



IKLAN PERMOHONAN PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)

PROGRAM PERSEDIAAN INTENSIF BAHASA INGGERIS (*INTENSIVE ENGLISH PROGRAMME, IEP*) KEMASUKAN SESI 1/2023 PENGAMBILAN MEI

A. MAKLUMAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) di laman web MARA <http://www.mara.gov.my> atau Portal UPIM <https://hi-edu.my/> mulai **20 Februari 2023 selepas jam 3:00 petang** hingga **19 Mac 2023 jam 11:59 malam**.
2. Pemohon perlu memenuhi syarat-syarat umum dan khusus permohonan yang ditetapkan.
3. Pemohon hanya boleh memohon program pengajian peringkat persediaan iaitu Program Intensif Bahasa Inggeris (*Intensive English Programme, IEP*) yang ditawarkan oleh pihak MARA seperti berikut:

| BIL. | PROGRAM PERSEDIAAN DITAWARKAN | KPM |
|------|---|--|
| 1. | Program Intensif Bahasa Inggeris (<i>Intensive English Programme, IEP</i>) | Indera Mahkota, Pahang |
| | | Bandar Penawar, Johor |
| | | Beranang, Selangor |
| | | Beaufort, Sabah (khusus bagi pelajar Sabah) |
| | | Seri Iskandar, Perak |

4. Sekiranya pemohon didapati memberi maklumat palsu, MARA berhak pada bila-bila masa menamatkan atau menarik balik tawaran pengajian.

B. SYARAT UMUM

1. Pemohon **DAN** salah seorang ibu **ATAU** bapa berstatus Bumiputera dan Warganegara Malaysia (**bagi IEP di KPM Indera Mahkota, Bandar Penawar, Beranang dan Seri Iskandar**).
2. Pemohon **DAN** salah seorang ibu **ATAU** bapa berstatus Bumiputera Sabah dan Warganegara Malaysia (**bagi IEP di KPM Beaufort, Sabah**).
3. Pemohon berumur 18 tahun dan tidak melebihi 35 tahun.
4. Pemohon tidak menerima bantuan kewangan dan tajaan dari mana-mana badan penaja atau agensi untuk pengajian pada peringkat yang sama.
5. Pemohon perlu lulus pemeriksaan kesihatan dan mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan bertauliah.

6. Pemohon perlu bebas daripada masalah kesihatan mental dan mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan bertauliah.
7. MARA mempertimbangkan pemohon berkeperluan khas dengan kemudahan yang terhad.

C. SYARAT KHUSUS

1. Memperolehi keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV).
2. Memenuhi SYARAT KELAYAKAN PROGRAM IEP seperti di bawah:

| NAMA PROGRAM PERSEDIAAN | TEMPAT | TEMPOH PENGAJIAN | SYARAT KELAYAKAN |
|---|--|------------------|---|
| INTENSIF BAHASA INGGERIS (INTENSIVE ENGLISH PROGRAMME, IEP) | KPM INDERA MAHKOTA, PAHANG KPM BERANANG, SELANGOR KPM BANDAR PENAWAR, JOHOR KPM SERI ISKANDAR, PERAK KPM BEAUFORT, SABAH | 2 BULAN | Kemasukan melalui SPM: i. Bumiputera ii. Warganegara Malaysia iii. Memperoleh minimum 3 KEPUJIAN dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / setaraf, termasuk subjek: • Bahasa Melayu • Dua (2) Subjek lain DAN • Lulus Bahasa Inggeris dengan Gred D • Lulus Matematik dengan minimum gred E |

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi talian seperti berikut:-

Unit Pengambilan, Bahagian Pendidikan Tinggi MARA,
Tingkat 12, Bangunan Ibu Pejabat MARA,
Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur.

Telefon : 03-26134074 / 34075 / 34076 / 34077 / 34081
Emel : upim.bpt@mara.gov.my
Facebook / Twitter / Telegram / Instagram : Hi Edu MARA
Portal UPIM : <https://hi-edu.my/>
WhatsApp : +6011-58521184

| WAKTU URUSAN | | |
|---|--------------------------------|---------------------------------|
| HARI | Isnin hingga Khamis | Jumaat |
| MASA | 9.00 pagi – 1.00 tengah hari | 9.00 pagi – 12.15 tengah hari |
| REHAT | 1.00 tengah hari – 2.00 petang | 12.15 tengah hari – 2.45 petang |
| MASA | 2.00 petang – 4.30 petang | 2.45 petang – 4.30 petang |
| TUTUP PADA SABTU, AHAD DAN CUTI KELEPASAN AM | | |